



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 APRIL 2016

Bekas PM tidak perlu dipujuk sertai semula UMNO

Port Dickson: Tun Dr Mahathir Mohamad tidak perlu dipujuk kembali menyertai UMNO kerana syarat dikenakan beliau supaya Datuk Seri Najib Razak meletak jawatan, tidak munasabah.

Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC), Tan Sri Shahrir Samad, berkata ahli UMNO tidak perlu berharap bekas Perdana Menteri itu kembali, kerana tindakannya menunjukkan beliau tidak berpuas hati dengan sesiapa sahaja yang menjadi Perdana Menteri.

Tidak boleh dilakukan

“Memujuk Tun M bukanlah sesuatu yang boleh kita lakukan kerana beliau memberi syarat yang sukar. Beliau turut menggesa Tun Abdullah Ahmad Badawi meletak jawatan sebelum ini. Jadi, siapa yang layak menjadi PM? katanya.



“Memujuk Tun M bukanlah sesuatu yang boleh kita lakukan kerana beliau memberi syarat yang sukar. Beliau turut menggesa Tun Abdullah Ahmad Badawi meletak jawatan sebelum ini. Jadi, siapa yang layak menjadi PM”

Shahrir Samad,
Pengerusi Kelab
Penyokong Barisan
Nasional

ngan daripada Arab Saudi sebagai sokongan untuk beliau tegakkan kerajaan Islam. Jika BN kalah pada Pilihan Raya Umum (PRU) lalu, pasti dasar Islam di negara ini berubah. Itu yang diinginkan AS dan Yahudi.

“Apakah wajar seorang panglima perang yang berjaya meneguhkan kerajaan Islam selepas menang PRU hendak kita tumbangkan? Kita sepatutnya sanjung dan julang beliau,” katanya pada program bersama rakyat Parlimen Rasah di Balai Raya Taman Gadong Jaya di sini, malam kel-

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tetamu pada program Jelajah Dialog Nasional Bersama Rakyat Parlimen Teluk Kemang di sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Teluk Kemang, Tan Sri Mohd Isa Abd Samad dan Ahli Parlimen Mersing, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab Aziz Kaprawi, yang juga Ahli Parlimen Sri Gading, berkata Najib menjadi sasaran serangan ditaja oleh Yahudi dan Amerika Syarikat (AS) kerana peranannya sebagai panglima perang Islam.

“Najib mendapat sumba-

BH - 11/4/2016